



لاقوران بانچي قندودوق دان قرومهن


LAPORAN BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN

POPULATION AND HOUSING CENSUS REPORT

2011

Ciri-Ciri Aktiviti Ekonomi

Economic Activity Characteristics



JABATAN PERANGKAAN
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI (JPKE)
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DEPARTMENT OF STATISTICS
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT (DEPD)
PRIME MINISTER'S OFFICE
BRUNEI DARUSSALAM



لاقوران بانچي قندودوق دان قرومهن
LAPORAN BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN
POPULATION AND HOUSING CENSUS REPORT
2011

Ciri-Ciri Aktiviti Ekonomi
Economic Activity Characteristics



JABATAN PERANGKAAN
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI (JPKE)
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DEPARTMENT OF STATISTICS
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT (DEPD)
PRIME MINISTER'S OFFICE
BRUNEI DARUSSALAM

ISBN 978-99917-918-8-3

Kata Pengantar

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri, telah mengendalikan Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) pada tahun 2011. BPP 2011 merupakan banci kelima seumpamanya dikendalikan di negara ini. Banci terdahulu telah dijalankan pada tahun 1971, 1981, 1991 dan 2001.

Banci mengumpulkan berbagai jenis maklumat tentang ciri-ciri demografi, sosial, ekonomi dan perumahan penduduk Negara Brunei Darussalam. Selain menyediakan satu profil komprehensif penduduk, data banci 2011 boleh dibandingkan dengan maklumat serupa dari banci-banci terdahulu bagi menunjukkan perubahan keadaan penduduk dari masa ke semasa.

Laporan Banci Penduduk dan Perumahan 2011 - Ciri-ciri Aktiviti Ekonomi ini memaparkan data mengenai ciri-ciri aktiviti ekonomi Negara Brunei Darussalam hasil dari BPP 2011. Laporan sebelum ini dikeluarkan pada April 2012 ialah Laporan Banci Penduduk dan Perumahan 2011 - Ciri-ciri Demografi ini yang mana memaparkan data terakhir dari BPP 2011.

Saya berharap penerbitan ini dan laporan-laporan seterusnya akan dapat memenuhi keperluan pelbagai pengguna di negara ini bagi maksud perancangan, penyelidikan, penyediaan dasar dan sebagai bahan rujukan awam.

Saya sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pengerusi dan ahli-ahli Komiti Penyelarasan Kebangsaan BPP 2011, kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan sektor swasta yang telah memberikan bantuan dan kerjasama kepada Jabatan ini semasa banci dijalankan. Seterusnya saya juga sukacita mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakyat dan penduduk di negara ini atas kerjasama dalam memberikan maklumat yang dikehendaki kepada pegawai-pegawai banci yang terlibat. Saya yakin hasil BPP 2011 ini akan memberikan perangkaan yang komprehensif dan berguna bagi perancangan sosio-ekonomi negara.

PENGIRAN HAJAH ROSNAH BINTI PENGIRAN HAJI DAMIT

Pemangku Ketua Pengarah
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam



Foreword

The Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, through the Department of Economic Planning and Development (JPKE), Prime Minister's Office, conducted the Population and Housing Census (BPP) in 2011. BPP 2011 is the fifth such census to be conducted in Brunei Darussalam. The earlier censuses were conducted in 1971, 1981, 1991 and 2001.

The census collected a wide range of information about the demographic, social, economic and housing characteristics of Brunei Darussalam's population. Apart from providing a comprehensive profile of the population, the 2011 census data can be compared with similar information from the previous censuses to show how the conditions of the population have changed over time.

This **Report of the Population and Housing Census 2011 – Economic Activity Characteristics** presents data on economic activity in Brunei Darussalam based on BPP 2011. A report that has been published before on April 2012 was the *Report of the Population and Housing Census 2011 - Demographic Characteristics* presents the final data from BPP 2011.

I hope this publication and the forthcoming reports will meet the needs of various users for the purposes of planning, policy-making, researches and for public references.

I would like to record my great appreciation and thanks to the Chairman and members of the BPP 2011 National Coordinating Committee, ministries, departments and the private sector for their support and cooperation to this department during the census. I would also like to thank all citizens and residents in the country for their cooperation in providing the information to the census officers. I am confident that the BPP 2011 results will provide comprehensive and useful statistics for the use of socio-economic planning of the country.

PENGIRAN HAJAH ROSNAH BINTI PENGIRAN HAJI DAMIT

Acting Director General

Department of Economic Planning and Development

Prime Minister's Office

Negara Brunei Darussalam



LAPORAN BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN
POPULATION AND HOUSING CENSUS REPORT

2011

Rumusan


Ciri-Ciri Aktiviti Ekonomi




RUMUSAN CIRI-CIRI AKTIVITI EKONOMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Taraf Aktiviti Ekonomi	2001		2011	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Tenaga Kerja	157,594	100.0	202,530	100.0
Mengikut Jantina				
Lelaki	92,554	58.7	117,344	57.9
Perempuan	65,040	41.3	85,186	42.1
Kadar Penyertaan Tenaga Kerja				
15 Tahun dan Ke atas		67.9		68.9
15-64		70.5		71.9
18-59		...		79.2
Bekerja	146,254	100.0	183,715	100.0
Mengikut Jantina				
Lelaki	85,820	58.7	108,536	59.1
Perempuan	60,434	41.3	75,179	40.9
Mengikut Taraf Penduduk				
Rakyat Brunei dan Penduduk Tetap	78,538	53.7	116,017	63.2
Penduduk Sementara dan Lain-lain	67,716	46.3	67,698	36.8
Mengikut Kumpulan Umur				
15 Tahun dan Ke atas	146,254		183,715	
15-64	145,554		182,659	
18-59	...		180,704	
Mengikut Taraf Pekerjaan				
Majikan	1,569	1.1	3,926	2.1
Pekerja	140,433	96.0	173,839	94.6
Bekerja Sendiri	3,620	2.5	5,366	2.9
Pekerja Keluarga	632	0.4	584	0.3
Mengikut Sektor				
Awam	54,865	37.5	68,144	37.1
Swasta	91,389	62.5	115,571	62.9
Menganggur	11,340	100.0	18,815	100.0
Mengikut Jantina				
Lelaki	6,734	59.4	8,808	46.8
Perempuan	4,606	40.6	10,007	53.2
Mengikut Taraf Penduduk				
Rakyat Brunei dan Penduduk Tetap	10,615	93.6	17,936	95.3
Penduduk Sementara dan Lain-lain	725	6.4	879	4.7
Mengikut Kumpulan Umur				
15 Tahun dan Ke atas	11,340		18,815	
15-64	11,339		18,815	
18-59	...		17,811	
Mengikut Pendidikan Dicapai				
Rendah dan Ke Bawah	1,799	15.9	1,719	9.1
Menengah	8,665	76.4	14,697	78.1
Teknikal dan Vokasional	502	4.4	1,362	7.2
Tinggi	374	3.3	1,037	5.5
Kadar Pengangguran (%)				
15 Tahun dan Ke atas		7.2		9.3
15-64		7.2		9.3
18-59		...		9.0

PENDUDUK BERUMUR 15 TAHUN DAN KE ATAS






AKTIF DALAM EKONOMI






TIDAK AKTIF DALAM EKONOMI

BEKERJA



Rakyat Brunei & Penduduk Tetap
 Penduduk Sementara & Lain-lain

MENGANGGUR




Rendah & Ke Bawah
 Teknikal & Vokasional
 Menengah
 Tinggi


RUMUSAN CIRI-CIRI AKTIVITI EKONOMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Taraf Aktiviti Ekonomi	2001		2011	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Penduduk Bekerja mengikut Pekerjaan	146,254	100.0	183,715	100.0
Pengurus dan Pegawai Kanan	6,241	4.3	9,589	5.2
Profesional	8,764	6.0	27,918	15.2
Juruteknik dan Profesional Bersekutu	19,168	13.1	21,684	11.8
Pekerja Sokongan dan Perkeranian	16,184	11.1	18,935	10.3
Pekerja Perkhidmatan dan Jualan	27,899	19.1	41,341	22.5
Pekerja Mahir Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	1,276	0.9	1,379	0.8
Pekerja Kemahiran dan Pertukangan yang berkaitan	20,950	14.3	15,967	8.7
Operator Loji dan Mesin dan Pekerja Pemasangan	7,189	4.9	7,959	4.3
Pekerjaan Asas	38,583	26.4	38,943	21.2
Penduduk Bekerja mengikut Industri	146,254	100.0	183,715	100.0
Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	1,994	1.4	2,398	1.3
Perlombongan dan Pengkuarian	3,954	2.7	6,625	3.6
Pembuatan	12,455	8.5	7,365	4.0
Bekalan Elektrik, Gas, Air dan Lain-lain Aktiviti Industri	2,639	1.8	2,734	1.5
Pembinaan	12,301	8.4	19,377	10.5
Perdagangan Borong dan Runcit	12,931	8.8	22,412	12.2
Aktiviti Penginapan dan Perkhidmatan Makanan	7,107	4.9	10,887	5.9
Pengangkutan dan Perhubungan	4,803	3.3	8,842	4.8
Aktiviti Kewangan dan Insuran	2,251	1.5	3,724	2.0
Aktiviti Hartanah dan Bisnes	5,939	4.1	12,011	6.5
Perkhidmatan Awam dan Pertahanan	38,942	26.6	46,768	25.5
Pendidikan	10,931	7.5	15,566	8.5
Aktiviti Kesihatan dan Kerja Sosial	3,661	2.5	4,795	2.6
Lain-lain Aktiviti Perkhidmatan	7,300	5.0	4,023	2.2
Aktiviti Isi Rumah sebagai Majikan	19,046	13.0	16,188	8.8
Tidak Aktif Dalam Ekonomi	74,338	100.0	91,407	100.0
Mengikut Jantina				
Lelaki	24,116	32.4	34,415	37.7
Perempuan	50,222	67.6	56,992	62.3
Mengikut Taraf Penduduk				
Rakyat Brunei dan Penduduk Tetap	65,042	87.5	83,083	90.9
Penduduk Sementara dan Lain-lain	9,296	12.5	8,324	9.1
Mengikut Sebab Tidak Aktif				
Penuntut Sepenuh Masa	37,009	40.5
Bersara	17,894	19.6
Surirumah	30,657	33.5
Kurang Upaya	1,905	2.1
Lain-lain	3,942	4.3

Pekerja mengikut Kumpulan Pekerjaan Utama



Pekerjaan mengikut Industri



Ringkasan Eksekutif

Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2011 telah dijalankan dari 20 Jun hingga 3 Julai 2011. BPP 2011 merupakan banci kelima seumpamanya yang dijalankan di Negara Brunei Darussalam. BPP 2011 ini dilaksanakan secara hitungan *de jure* iaitu meliputi semua orang, samada rakyat Negara Brunei Darussalam, Penduduk tetap atau Penduduk sementara yang telah atau akan tinggal sebagai ahli biasa isi rumah bagi tempoh 6 bulan atau lebih dalam tahun 2011, mengikut tempat tinggal biasa mereka.

Banci mengumpulkan pelbagai maklumat tentang ciri-ciri demografi, sosial, ekonomi dan perumahan penduduk Negara Brunei Darussalam. Selain menyediakan profil yang komprehensif mengenai penduduk, data banci 2011 boleh dibandingkan dengan maklumat yang sama yang telah dikumpulkan dalam banci-banci terdahulu untuk menunjukkan bagaimana keadaan penduduk telah berubah mengikut peredaran masa.

Laporan Banci Penduduk dan Perumahan 2011 – Ciri-Ciri Aktiviti Ekonomi ini menerangkan mengenai aktiviti ekonomi penduduk Negara Brunei Darussalam pada tahun 2011 dengan memberikan maklumat berkaitan taraf aktiviti penduduk, kadar penyertaan tenaga kerja, taraf pekerjaan, jenis pekerjaan, industri, sektor pekerjaan, pendapatan dari pekerjaan, pengangguran dan juga penduduk yang tidak aktif dalam ekonomi.

Aktiviti Ekonomi

Pada banci 2011, terdapat seramai 280,069 orang yang berumur 15-64 tahun di Negara Brunei Darussalam. Daripada jumlah itu, 201,474 penduduk aktif dalam ekonomi berbanding dengan 156,893 orang pada tahun 2001. Ini menunjukkan pertumbuhan purata tahunan sebanyak 2.5 peratus dalam tempoh antara banci 2001-2011, lebih rendah daripada 3.5 peratus pertumbuhan yang dicatatkan semasa tempoh 1991-2001. Penduduk yang tidak aktif dalam ekonomi meningkat sebanyak 1.8 peratus secara purata setahun daripada 65,722 orang pada tahun 2001 kepada 78,595 orang pada tahun 2011.

Kadar Penyertaan Tenaga Kerja

Kadar penyertaan tenaga kerja telah mencatatkan tren yang meningkat berbanding dengan banci-banci yang terdahulu. Ia meningkat daripada 67.6 peratus pada tahun 1991 kepada 70.5 peratus pada tahun 2001 dan mencapai 71.9 peratus pada tahun 2011. Penyertaan tenaga kerja bagi kedua-dua lelaki dan perempuan telah menunjukkan kadar yang tinggi pada tahun 2011 dengan masing-masing sebanyak 80.3 peratus dan 62.9 peratus.

Pekerjaan

Dalam tempoh antara banci 2001-2011, bilangan penduduk berumur 15 tahun dan ke atas yang bekerja telah meningkat pada kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 2.3 peratus daripada 146,254 orang pada tahun 2001 kepada 183,715 orang pada tahun 2011. Ini terdiri daripada 108,536 lelaki (59.1 peratus) dan 75,179 perempuan (40.9 peratus).

Agihan terbesar penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan adalah pekerja sebanyak 94.6 peratus (173,839 orang). Ini diikuti oleh mereka yang bekerja sendiri dengan 2.9 peratus (5,366 orang), majikan 2.1 peratus (3,926 orang) dan pekerja keluarga 0.3 peratus (584 orang).

Mengikut jenis pekerjaan, pekerja perkhidmatan dan jualan menyumbang bahagian terbesar dengan 22.5 peratus (41,341 orang) pada tahun 2011, diikuti oleh pekerja dalam pekerjaan asas pada 21.2 peratus (38,943 orang), dan profesional 15.2 peratus (27,918 orang).

Sektor Pentadbiran awam dan pertahanan adalah majikan terbesar menyumbang 25.5 peratus (46,768 orang) pada tahun 2011. Industri kedua terbesar ialah perdagangan borong dan runcit dengan 12.2 peratus (22,412 orang) dan diikuti oleh pembinaan 10.5 peratus (19,377 orang) dan aktiviti isi rumah dengan 8.8 peratus (16,188 orang).

Nisbah pekerjaan di sektor awam kepada sektor swasta adalah kira-kira 40:60 pada tahun 2011. Bilangan penduduk tempatan (Rakyat Brunei dan Penduduk Tetap) yang bekerja di sektor swasta telah meningkat sebanyak 5.8 peratus setahun secara purata dari 28,376 orang pada tahun 2001 kepada 50,447 orang pada tahun 2011.

Pada tahun 2011, purata pendapatan kasar bulanan dari pekerjaan bagi setiap orang yang bekerja ialah BND 1,611 berbanding BND 1,307 pada tahun 2001. Pekerja tempatan memperolehi pendapatan yang lebih tinggi iaitu BND 1,933 sebulan secara purata, berbanding BND 1,059 untuk penduduk asing.

Pengangguran

Pada tahun 2011, jumlah penduduk menganggur berumur 15 tahun dan ke atas adalah 18,815 orang, berbanding dengan 11,340 orang penduduk pada tahun 2001. Bilangan penduduk tempatan berumur 18-59 tahun yang menganggur ialah seramai 16,971 orang. Kadar pengangguran meningkat daripada 7.2 peratus pada tahun 2001 kepada 9.3 peratus pada tahun 2011.

Tidak Aktif Dalam Ekonomi

Penduduk yang tidak aktif dalam ekonomi berumur 15 tahun dan ke atas pada tahun 2011 adalah 91,407 orang, meningkat daripada 74,338 orang pada tahun 2001. Daripada jumlah ini, 62.3 peratus (56,992 orang) adalah perempuan.

Dari sebab-sebab tidak aktif dalam ekonomi, penuntut sepenuh masa menyumbang bahagian terbesar sebanyak 40.5 peratus (37,009 orang). Ini diikuti oleh suri rumah sebanyak 33.5 peratus (30,657 orang), pesara 19.6 peratus (17,894 orang), dan lain-lain, termasuk orang kurang upaya 6.4 peratus (5,847 orang).